

Dalihan "Keperluan" Dalam Undang-undang Jenayah Islam Dan Inggeris

Siti Zubaidah Ismail

Abstract

Some scholars view necessity as a defence mechanism in almost every case but on the other hand there are criminal law scholars who conform to the opinion that it is merely a mitigating factor. Practically this disagreement makes no difference because judges have their own interpretation and always stick to their rulings. Thus the conflict of law is always there. In Islam there is the principle of rukhsah which is instrumentally important in evading such conflicting situation.

Pendahuluan

Undang-undang dan peraturan sememangnya digubal dengan tujuan untuk mengawal tingkah dan perilaku masyarakat agar bersesuaian dengan nilai dan norma yang dianuti. Ia juga berperanan menegakkan keadilan dan keamanan sosial.

Sungguhpun begitu, kadang-kadang undang-undang perlu dilanggar samada untuk mencapai sesuatu yang lebih baik (the greater good) atau menghadapi sesuatu yang kurang buruk (the lesser of two evils). Sebagai persediaan untuk menghadapi

situasi seperti ini, penggubal undang-undang terpaksa menggariskan pelbagai pengecualian atau (*defence*). Di antara pengecualian-pengecualian ini ialah keperluan (*necessity*).

A. Keperluan Dalam Undang-Undang Jenayah Barat

Menurut Smith dan Hogan, ia merujuk kepada situasi di mana seseorang perlu memilih di antara perbuatan yang melibatkan pelanggaran undang-undang atau menghadapi bahaya yang mungkin menimpa diri sendiri atau orang lain. Bagaimanapun, menurut beliau lagi, orang yang dituduh itu perlu berpendapat bahawa keperluan sebegitu boleh menjustifikasikan tindakannya melanggar undang-undang.¹

Walau bagaimanapun, pengkaji undang-undang tidak sependapat mengenai kedudukan dalihan ini. Menurut Glazebrook, tidak ada sebarang kepastian yang muktamad hingga sekarang mengenai sejauhmanakah **pemakaian** keperluan sebagai satu dalihan di bawah Undang-Undang Inggeris.²

Stephen, seorang penulis dan pengkaji undang-undang berpendapat bahawa hakim-hakim tidak mempunyai sebarang ketetapan mengenai isu keperluan. Mereka hanya memikirkan cara yang bersesuaian dan dianggap terbaik untuk menyelesaikan sesuatu kes yang mengemukakan dalihan ini.³

Di dalam kes *Buckoke lwn. Greater London Council*,⁴ Hakim Dickson menolak teori yang mengatakan keperluan boleh menjadi satu justifikasi untuk melanggar undang-undang. Menurut beliau, ia hanya boleh menjadi sesuatu yang dimaafkan dalam situasi yang jelas dan bahaya yang serta-merta (*imminent peril*), dengan syarat bahaya yang dihadapi itu lebih ringan daripada bahaya yang cuba dielakkan.⁵

Dalam kes *Dudley dan Stephen*,⁶ keputusan yang dibuat oleh Queen's Bench ialah keperluan tidak boleh menjadi asas rayuan terhadap tuduhan membunuh. Lord Simon mengulas keputusan House of Lord dalam kes *D.P.P. lwn. Lynch*⁷ dengan mengatakan bahawa keperluan sebagai dalihan telahpun ditolak secara pasti oleh Undang-undang jenayah keseluruhannya. Di dalam kes *Dawson*,⁸ Hakim Harris mempertikaikan apakah wujud dalihan keperluan di sisi undang-undang.

Walau bagaimanapun, Glanville Williams mengatakan bahawa dalihan keperluan memang diperakui oleh Undang-undang Inggeris sejak dahulu lagi walaupun terdapat ramai penulis moden yang meraguinya.⁹ Malah, beliau juga turut menyenaraikan beberapa orang penulis klasik yang menyokong dalihan ini seperti Bracton, Britton, Pollard, Hale, Hawke dan ramai lagi.¹⁰ Biarapun begitu, satu persoalan yang timbul ialah apakah keperluan itu satu elemen yang membolehkan orang yang dituduh itu dimaafkan (*excusable*) atau diberi pertimbangan oleh undang-undang (*justifiable*). Lebih mengelirukan lagi ialah apakah pembahagian ini wujud di dalam undang-undang. Secara praktikal dan jelas, kedua-dua persoalan ini ditentukan oleh rasional dan fakta yang ada pada setiap kes.¹¹ Ini menunjukkan bahawa biarapun pertikaian itu wujud, namun apabila tiba masa untuk menghakimi sesuatu kes itu, hakim terpaksa menggunakan kewajaran sendiri untuk memutuskan kes tersebut

tanpa mengira apakah ia satu dalihan ataupun tidak.

Dalam pada itu, sesetengah statut pula memperakunya sebagai satu pengecualian. Antaranya ialah *Akta Kawalan Pencemaran 1974* (UK) yang memberi pengecualian kepada perbuatan yang dilakukan "dalam kecemasan untuk mengelak bahaya kepada orang awam". Sek. 7(1) *Akta Lalulintas 1974* (UK) pula memperuntukkan bahawa sebarang kenderaan boleh diletakkan di tempat pejalan kaki jikalau perbuatan itu perlu untuk menyelamatkan nyawa atau tujuan lain yang seumpamanya. Di antara contoh-contoh yang melibatkan keperluan ialah meruntuhkan rumah untuk menghalang api dari merebak (lihat contoh (b) dalam *Kanun Kesiksaan Malaysia*), banduan melarikan diri dari penjara yang sedang terbakar dan mencampakkan kargo untuk mengurangkan muatan kapal yang hampir tenggelam.¹²

Hakim Devlin ketika menghakimi kes *Southpork Corporation lwn Esso Petroleum Co. Ltd.*¹³ berkata:

"...menyelamatkan nyawa manusia mempunyai nilai yang berbeza daripada menyelamatkan harta. Kedua-duanya tidak dapat dibandingkan, kerana keperluan untuk menyelamatkan nyawa pada sepanjang masa mesti diambil kira sebagai alasan yang munasabah untuk melakukan kerosakan yang mungkin perlu terhadap harta orang lain ..."¹⁴

Semua ini menyokong pengiktirafan keperluan sebagai satu pengecualian dan menganggapnya sama seperti dalihan-dalihan nyanyuk, tidak sempurna akal, pertahanan diri dan paksaan.

Sebagai membuktikan bahawa keperluan adalah elemen dalihan, syarat-syarat berikut telah diadaptasi oleh Hakim Young dan King dalam kes *Loughnan*.¹⁵

Pertama: Perbuatan jenayah itu mestilah dilakukan demi mengelakkan akibat-akibat tertentu yang boleh menimpa dan mengancam orang yang dituduh atau orang lain yang patut dijaganya. Dalam hal ini, tidak perlu dihadkan takat keadaan atau akibat yang mengancamnya itu. Kematian yang dikhuatiri akan menimpa sudah cukup untuk menjustifikasikan perbuatannya.¹⁶

Kedua: Orang yang dituduh mesti percaya bahawa bahaya yang bakal ditimpanya adalah yang serta-merta (imminent peril). Jika ada ruang masa di antara ancaman yang perlaksanaan perbuatan itu, maka ketika ini jarang sekali dalihan keperluan akan berjaya.

Ketiga: Ialah apa yang disebut sebagai "proportion" iaitu kesinambungan atau perbuatan yang dilakukan untuk mengelak bahaya yang serta-merta, mestilah sebahagian atau ada kaitan dengan bahaya yang hendak dielakkan.

Sebagai tambahan kepada syarat-syarat yang disebutkan, Hakim Crockett menekankan apa yang lebih penting ialah elemen mental atau niat tertuduh. Ini adalah perlu untuk membezakannya dengan *mens rea*.¹⁷ Jika niat jahat terbukti wujud, bererti jenayah telah dengan sengaja dilakukan. Namun jika tertuduh melakukan sesuatu perbuatan dengan *bona fide*, ditambah pula memenuhi syarat yang digariskan, maka dalihan itu diterima.

Menyentuh mengenai had pemakaiannya, ia tidak sama sekali terpakai dalam kes pembunuhan seperti kes *Dudley dan Stephen*¹⁸ dan juga dalam kes-kes yang melibatkan kecederaan yang serius kepada mangsa. Lord Coleridge dengan tegas menjelaskan bahawa secara mutlak membunuh tidak boleh menjadi satu justifikasi malah elemen keperluan tidak wujud sama sekali dalam kes tersebut. Manakala dalam kes-kes lain aplikasinya bergantung kepada peruntukan statut atau undang-undang yang ada.

Dalam kes *O'Toole*¹⁹ dan *Woods lwn Richards*,²⁰ seorang pemandu ambulans dan seorang pegawai polis telah terlibat dalam kemalangan jalanraya ketika berkejar untuk ke tempat kecemasan. Kedua-duanya telah didakwa menurut Sek. 2 *Akta Lalulintas 1960* iaitu memandu dengan bahaya dan memandu dengan tidak cermat dan tanpa perhatian sewajarnya yang bertentangan dengan Sek. 3 *Akta Lalulintas 1972*. Di sini dalihan keperluan tidak terpakai.

Sesetengah statut pula, secara nyata memperuntukkan pengecualian kepada dalihan keperluan. Sebagai contoh, ahli bomba, polis, pemandu ambulans dilepaskan dari tanggungjawab jika memandu melebihi had laju dalam keadaan-keadaan tertentu seperti dalam Sek. 87 *Akta Peraturan Lalulintas 1984 (UK)*.

Jika diteliti dengan mendalam, aplikasi dalihan ini samada diterima atau tidak sebagai pengecualian, bergantung kepada statut. Ringkasnya jika perbuatan itu bertentangan dengan perkataan undang-undang dalam sesuatu statut, bererti ia tidak diterima. Ia mungkin dipertimbangkan sebagai faktor untuk diringankan hukuman. Sebaliknya jika tiada sebarang peruntukan mengenai sesuatu kesalahan apabila dalihan keperluan dikemukakan, para hakim masih lagi tidak pasti di manakah kedudukannya.

Persoalan yang tidak terjawab ialah sejauhmanakah keperluan menjadi dalihan am di bawah undang-undang jenayah apabila tiada peruntukan statut yang spesifik. Ketidakpastian ini menyebabkan ia kekal sebagai sesuatu yang teorotikal sahaja. Kebanyakan hakim pula menggunakan budi-bicara sendiri hingga sampai ke tahap hukuman diringankan atau yang tertuduh itu dibebaskan. Malangnya, dalam menjatuhkan hukuman ini, seseorang hakim itu tidak dapat lari dari menerima pelbagai reaksi dari hakim-hakim lain yang kadang-kala mempertikaikan keputusannya. Ini kerana mereka mempunyai pendapat dan anggapan yang berbeza mengenai kedudukannya. Percanggahan pendapat ini menggambarkan kewujudan konflik di dalam undang-undang itu sendiri. Walau bagaimanapun, sebagai jalan tengah, para hakim perlu diberi peluang untuk mencipta "ruling" sendiri berdasarkan fakta kes dan situasinya yang tentu sekali berbeza di antara satu sama lain.

B. Keperluan Dalam Undang-undang Jenayah Islam

Dalam syariat Islam keperluan diistilahkan sebagai *darurah* (**ضرورة**) iaitu keadaan bahaya atau kerumitan serius yang dikhuatiri akan membahayakan nyawa, anggota badan, maruah, akal, harta atau sebagainya. Menurut Dr. Wahbah al-Zuhaili, keadaan seperti itu memaksa tertuduh melakukan sesuatu yang haram atau

meninggalkan kewajiban atau melewatkannya untuk mengelakkan bahaya yang akan menimpa.²¹

Menurut al-Jassas pula, keperluan ialah takut berlaku sebarang kemudaratan atau kemusnahan kepada nyawa atau sebahagian anggota badan dengan tidak makan atau minum.²²

Daripada definisi-definisi di atas, kita dapati, bahawa ada lima perkara yang perlu dijaga dan diberi keutamaan lebih-lebih lagi dalam keadaan terdesak. Lima perkara tersebut ialah agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Secara umumnya, keperluan adalah satu keadaan yang memberi pengecualian kepada pelaksanaan sesuatu hukum asal. Apabila tertuduh terdesak untuk berbuat sesuatu demi menyelamatkan salah satu dari lima perkara di atas, maka hukum-hukum pengecualian telah tersedia sebagai garis panduannya. Peruntukannya telahpun ada cuma prosedur dan *modus operandi* sahaja yang berbeza-beza. Dalam hal ini, ia khusus merujuk kepada satu kaedah fiqh: (**الضرورات تبيح المحظورات**) yang bermaksud "keperluan boleh mengharuskan yang haram".²³ Misalnya seseorang yang berada dalam kebuluran, diharuskan makan makanan yang (hukum) asalnya haram setelah tiada makanan halal untuk menjamin kelangsungan hidupnya. Jikalau dia tidak berbuat demikian, nescaya akan membawa maut.²⁴ Ini kerana nyawa mengatasi segala kepentingan lain dan adalah dilarang sama-sekali membinasakan diri sendiri sebagaimana larangan yang terdapat di dalam al-Quran:

وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا

"...dan janganlah kamu membunuh diri sendiri. Sesungguhnya Allah amat mengasihani kamu semua".

(al-Nisa: 29)

Umat Islam dilarang membunuh diri dengan melakukan apa sahaja yang boleh mengakibatkan kehancuran dan kemusnahan samada di dunia atau di akhirat. Larangan Allah itu adalah bukti sifat pengasih dan penyayang Allah kepada hamba-Nya.²⁵

Untuk melihat apakah dasar keperluan dan di manakah kedudukannya, kita perlu menjangah satu konsep yang dipanggil *masalahah* (interest). *Maslahah* terbahagi kepada tiga: Asas (**ضرورية**), tambahan (**حاجية**) dan sampingan (**تحسينية**).²⁶ Di antara ketiga-tiga ini, kepentingan asas *per se* yang termasuk dalam *quantum* keperluan.

Kepentingan asas bererti segala apa yang sangat perlu di jaga untuk kepentingan manusia. Ia melibatkan penjagaan kelangsungan lima perkara tadi. Demi memastikan survivalnya berterusan, seseorang itu perlu berikhtiar dan mengatasinya.

Al-Izz bin Abdul Salam dalam Kitab *Qawa'id al-Ahkam* menjelaskan bahawa: "...harus berubat dengan benda najis jika sudah tiada benda suci yang sesuai, kerana *masalahah* kesihatan dan keselamatan adalah lebih utama daripada meninggalkan benda najis itu. Begitu juga seseorang itu tidak harus berubat dengan arak kecuali setelah dia tahu yang dia

hanya boleh sembuh dengan arak itu, dengan syarat sudah tiada ubat lain... ”²⁷

Ini menjelaskan bahawa, demi nyawa, diberi *rukhsah* untuk menggunakan sesuatu yang haram jika telah dipastikan ada faedah padanya. Walau bagaimanapun langkah itu mestilah yang terakhir setelah tiada lagi ubat yang harus yang berupaya mengubati penyakit itu. Ini menunjukkan bahawa daruratlah yang menyebabkan keperluan itu wujud dan merupakan satu justifikasi yang wajar tentang *rukhsah* tadi.

Mengenai sejauhmanakah skop keperluan boleh dilebarkan, kita perlu meneliti kaedah “*keperluan boleh mengharuskan perkara-perkara yang haram*”. Secara literalnya, maksud kaedah tersebut adalah jelas, namun hakikatnya tidak begitu. Ada benda yang kekal sifat *tahrimnya* walaupun dalam situasi keperluan seperti membunuh orang yang tidak berdosa dan ada perkara yang berubah hukumnya kepada harus dalam situasi itu.

Persoalan ialah, apakah:

1. pengharusan sesuatu yang pada asalnya haram membuat orang yang berada dalam situasi itu tidak berdosa kerana dia melakukan perbuatan yang harus jika dinisbahkan kepadanya. Justeru itu, dia diberi *rukhsah*, atau,
2. maksud mengharuskan sesuatu yang haram itu ialah setakat mengangkat dosa sahaja dari seseorang. Akan tetapi perbuatan tersebut tetap haram. Ini disebut justifikasi undang-undang.²⁸

Golongan Hanafi menerima kedua-dua pendapat ini dan menambah bahawa kadang-kadang yang pertama itu sampai ke tahap wajib. Manakala yang kedua pula harus dari sudut pelakunya tidak berdosa dan sesuatu itu tetap haram berdasarkan sifat yang ada pada asalnya. Contohnya seperti mengaku kafir ketika dipaksa dan merosakkan harta orang lain ketika terdesak.²⁹

Al-Syatibi, dalam kitabnya *al-Muafaqat* tidak setuju dengan pengelasan ini. Sebaliknya beliau berpendapat, dalam keadaan perlu dan terdesak seseorang itu diberi *rukhsah* atau wajib mengambil *rukhsah*. Bagi beliau, bukannya hukum sesuatu itu menjadi harus. Seterusnya beliau berkata bahawa seseorang yang terdesak dalam keadaan perlu untuk makan, diberi *rukhsah* yang membolehkannya makan benda haram untuk meringankan penderitaan dan menyelamatkan diri dari sengsara kebuluran.³⁰ Ini sejajar dengan firman Allah yang bermaksud:

“...janganlah kamu membunuh diri sendiri”.

(*al-Nisa'*: 29)

Oleh itu jelas kepada kita bahawa kaedah yang tersebut di atas, pada praktikalnya bukan mengikut zahir dan interpretasi umumnya, bahkan bahawa dua maksud samada diharuskan yang haram atau diberi *rukhsah* melakukan sesuatu yang tetap haram. Maksud harus di sini ialah harus dalam konteks sama dari segi buat atau tidak seperti yang disebut oleh al-Syatibi.³¹

Dalam hal ini, pendapat mazhab Hanafi lebih fleksibel dan praktikal jika

dibandingkan dengan pendapat al-Syatibi. Ia lebih detail dan merangkumi pelbagai perkara termasuk aspek-aspek perbuatan haram seperti membunuh dan sebagainya.

Satu lagi aspek yang perlu diteliti untuk melihat skop keperluan ialah perbezaan di antara "keperluan" dan "hajat". Keperluan bererti sesuatu yang lebih diperlukan daripada hajat. Sekiranya tidak dipenuhi, akan membawa akibat yang serius seperti meninggal dunia dan sebagainya. Keadaan-keadaan hajat dan keperluan bukanlah menjadi "pasport" untuk melakukan sesuatu yang haram, tetapi ia tertakluk kepada had-had yang tertentu sebagaimana firman Allah dalam surah *al-Baqarah* ayat 173:

"Sesungguhnya Dia mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging babi dan binatang yang disembelih disebut nama selain Allah. Tetapi sesiapa dalam keadaan terpaksa memakannya sedangkan dia tidak menginginkannya dan tidak pula dia melampaui batas, maka tidak berdosa baginya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani."

Para ahli tafsir berselisih pendapat mengenai maksud perkataan (**غَيْرِ بَاغٍ**) yang bererti tidak melampaui batas. Satu pendapat mengatakan ia bermaksud tidak menikmati keenakannya dan tidak melampau untuk mengelak kebuluran. Pendapat yang lain pula mengatakan ia bererti tidak dalam keadaan maksiat.³²

Manakala perkataan yang sama (**غَيْرِ بَاغٍ**) dan (**وَلَا عَادٍ**) ditafsirkan oleh al-Tabari sebagai tanpa mempunyai desakan nafsu untuk makan apa yang diharamkan dan tidak bermaksud melampaui had keizinan memakan apa yang diharamkan bila seseorang itu mampu menjauhkan diri daripadanya setelah mendapati benda-benda halal.³³ Keizinan yang terkandung di dalam ayat-ayat itu hanya setakat untuk hidup apabila cara-cara lain sudah tiada.³⁴ Pendapat ini dipersetujui oleh al-Razi.³⁵

Untuk menjamin pemaknaan keperluan sebagai dalihan berjalan dengan licin, satu *modus operandi* yang teratur berasaskan syarat perlu dititikberatkan.

Antara syarat-syarat tersebut ialah:³⁶

Pertama: Keperluan itu mestilah keadaan yang mungkin berlaku dan bukan yang ditunggu supaya berlaku terhadap agama, nyawa, maruah, akal atau harta. Ertinya kekhuatiran tentang berlakunya sebarang kecelakaan atau kerosakan itu, mestilah berasaskan perhitungan biasa berdasarkan pengalaman.

Kedua: Dalam melanggar suruhan atau larangan demi mengelakkan kemudaratan, seseorang itu perlu pasti bahawa sudah tiada pilihan lain lagi yang harus. Seorang yang kebuluran di kawasan terpencil dan hampir meninggal, diharuskan makan sebarang bangkai yang ada.

Ketiga: Jika ada pilihan halal dan haram dalam satu masa, perlu ada satu justifikasi yang membolehkan dia mendahulukan yang haram. Seseorang yang dipaksa makan benda haram di bawah ugutan, wajar memakannya selagi ugutan itu berlaku serta tidak dapat dielakkan.

Keempat: Seseorang yang berada dalam keadaan yang terpaksa itu mestilah menghormati asas-asas syariat yang lain seperti menjaga hak orang lain, adil, amanah

dan tidak memudharatkan orang lain. Ertinya, dia tidak boleh mengambil kesempatan untuk melakukan perbuatan yang bertentangan dengan syarak seperti berzina, membunuh, merampas harta orang lain dan sebagainya hanya untuk menyelamatkan nyawa sendiri.

Kelima: Tindakan berkenaan hendaklah sekadar memadai untuk mengelakkan diri dari bahaya berkenaan serta tidak berlebihan. Ini kerana pengharusan seperti itu hanya sementara dan setakat yang perlu sahaja serta mestilah dalam batas-batas tertentu demi menjaga objektif syarak (**مقاصد الشريعة**). Seorang yang terpaksa makan sesuatu yang haram misalnya, tidak boleh makan hingga kenyang, tapi sekadar menahan dari maut sahaja.

Keenam: Khusus bagi kes-kes perubatan, pengesahan doktor diperlukan. Doktor berkenaan mesti mengesahkan bahawa dalam situasi itu, hanya benda haram itu sahaja yang dapat menyelamatkan nyawanya. Itupun setelah habis segala ikhtiar untuk mengubatinya dengan pelbagai ubat yang halal.

Kesemua syarat ini adalah landasan yang perlu diberi perhatian agar hukum-hukum syarak tidak dimanipulasikan dan bersesuaian dengan objektifnya, diturunkan oleh Allah Ta'ala.

Kesimpulan

Konflik yang wujud di dalam undang-undang jenayah Inggeris mengakibatkan ketidakselarasan berlaku di dalam penghakiman dan ini memberi kesan kepada hukuman yang dikenakan. Kebanyakan pengkaji undang-undang sedar bahawa undang-undang terlalu samar tentang subjek ini yang menyebabkan mereka secara praktikal memutuskan reformasi agar identiti baru yang lebih sesuai dan praktikal dapat diberi kepada isu ini. Apa yang wujud hari ini ialah anggapan keperluan sebagai faktor meringankan hukuman (mitigation) dan bukannya sebagai satu dalihan. Misalnya, dalihan keperluan ini tidak terpakai untuk menjustifikasikan pembunuhan. Namun, beberapa cadangan telah diutarakan agar membunuh kerana kasihan (mercy killing) diberi pertimbangan dan tidak dilabelkan sebagai pembunuhan atau perbuatan memamatkan orang. Sebaliknya mahu ia dikenali sebagai kesalahan yang boleh dihukum penjara sahaja. Hal ini amat berlainan dengan undang-undang Islam di mana membunuh orang yang tidak berdosa itu tetap haram walau dalam keadaan darurat sekalipun.

Mengenai undang-undang Islam, walaupun ia tidak menggariskan dengan detail tentang hal ini, ia banyak memberi ruang kepada fleksibiliti dan ijtihad. Prinsip-prinsip asas telah ada seperti nas al-Quran, Sunnah dan juga kaedah-kaedah fiqh seperti "*menghindari keburukan lebih baik dari mencari kebaikan*", "*keperluan boleh mengharuskan yang haram*" dan banyak lagi. Hakikat ini menjamin pelaksanaan sebarang prosedur agar tidak lari dari hukum yang mesti dijaga dan bukannya sekadar mengikut budi-bicara tanpa berpandu kepada sumber yang autoritatif.

Darurat (**الضرورة**) dan keperluan (necessity), walaupun kelihatannya

sama sebenarnya tetap berbeza. Ini kerana pada prinsipnya dalam Islam ia lahir bersama ketetapan hukum yang lain sebagai membuktikan yang hukum itu tidak rigid dan keras. Walaupun prinsip-prinsip asas digariskan, namun tetap ada pengecualian yang digubal dengan jelas dan teratur.

Berlainan dengan "necessity" yang pertimbangan terhadapnya diberi apabila ia dibawa dalam sesuatu kes. Manakala peruntukan statut pula terlalu sedikit dan ia sendiri masih dipertikaikan.

Nota Rujukan:

1. Smith and Hogan, *Criminal Law*, (2nd. ed.), London: Sweet and Maxwell. 1975 hal. 157.
2. P.R Glazebrook, "The Necessity Plea In English Criminal Law", (1972A) *Cambridge Law Journal*. 87.
3. Sir Fitzjames Stephen, "A History of Criminal Law In England", *Digest of Criminal Law*, Vol. 2 (1883) 108.
4. Court of Appeal (1971) I Ch. 655.
5. J.C. Smith, *Justification and Excuse In Criminal Law*, (40th Series) London: Stevens and Sons. 1989. hal. 16.
6. (1884) 14 Q.B.D 273.
7. (1975) A.C. 653.
8. (1978) V.R. 536.
9. Glanville Williams, "Defence of Necessity", (1953), *Current Legal Problems*, 216.
10. *Ibid.*, hal. 218.
11. Stanley H.M. Yeo, "Necessity Under The Griffith Code And The Common Law", *C.L.J.*, Vol. 15, No. 1 Feb. 1991. Sydney: The Law Book Co. Ltd. hal. 10.
12. Glanville Williams, *op.cit.*, hh. 218-219.
13. (1956) A.C 228.
14. Glanville Williams, *Textbook of Criminal Law*, (2nd. ed.), London: Stevens and Sons. 1983. hal. 608.
15. (1981) V.R 443.
16. Peter Gillis, *Criminal Law*, Australia: The Law Book Co. Ltd. 1985. hal. 293.
17. *Ibid.*
18. (1884) 14 Q. B.D 273.
19. (1971) 55 Cr. App. R 206.
20. (1977) Crim. L.R. 295.
21. Wahbah al-Zuhaili, *Nazariat al-Darurat al-Syariah*, (cet. ke-3), Beirut: Muassasah al-Risalah. 1982. hal. 67.

22. Abu Bakr al-Jassas, *Ahkam al-Quran*, (Jilid I), Kaherah: Matba'ah al-Bahiyah al-Misriyyah. (t.t). hal. 150.
23. Al-Sayuti, *Al-Asybah wa al-Naza'ir*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah. 1983 hal. 60.
24. AbdulKarim Zaidan, *Halat al-Darurat fi al-Syari'ah al-Islamiah*, Beirut: Muassasah al-Risalah. 1988. hal. 14.
25. Lihat *Tafsir al-Jalalain*.
26. Muhammad, Sa'id Ramadan, *Dawabit al-Maslahah fi al-Syari'ah al-Islamiah*, Damsyik: Matba'ah al-Ilmi, 1967. hal. 23.
27. Wahbah al-Zuhaili, *op.cit.*, hal. 83.
28. Abdul Karim Zaidan, *op.cit.*, hal. 11
29. Muhammad Amin al-Shahir, *Taisir al-Tahrir*, (Jilid 2), hal. 387.
30. Pendapat al-Syatibi seperti yang dinukilkan oleh Dr. Abdul Karim Zaidan dalam kitabnya *Halat al-Darurat fi al-Syari'ah al-Islamiah*, Beirut: Muassasah al-Risalah. 1988. hal. 12.
31. *Ibid.*
32. Al-Syawkani, *Nail al-Awtar*, (Jilid 8), Kaherah: al-Uthmaniah, Mustaffa al-Babi al-Halabi. (t.t).hal. 171.
33. Al-Tabari, *Tafsir al-Tabari*, Vol. 3. hal. 324.
34. *Ibid.*
35. Al-Razi, *Tafsir al-Kabir*, Vol. 2. hal. 131.
36. Wahbah al-Zuhaili, *op.cit.*, hal. 28.